

LEMBAGA TABUNG HAJI



SIDANG MEDIA BONUS PENDEPOSIT TABUNG HAJI 2013

Oleh

YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

KHAMIS, 30 JANUARI 2014

**DEWAN BESAR,
LANTAI 1, BANGUNAN TABUNG HAJI
JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR**

JAM : 2.30 PETANG

(SILA SEMAK SEMASA PENGUMUMAN DIBUAT)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Yang Berhormat Dato' Abdul Azeez Abdul Rahim
Pengerusi, **TH**

Yang Berbahagia Dato' Paduka Ismee Ismail
Pengarah Urusan Kumpulan Dan Ketua Pegawai Eksekutif, **TH**

Yang Di Hormati, Ahli Ahli Lembaga Pengarah dan Panel
Pelaburan **TH**

Barisan Pengurusan Kanan **TH**, Wakil-Wakil Media Massa,
Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima
kasih kerana sudi hadir membuat liputan pada petang ini.

Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana kita dapat
bersama sama hari ini untuk **Pengumuman Bonus Pendeposit TH**
bagi Tahun Kewangan 2013.

Pada tahun 2013 yang lalu, prestasi ekonomi Negara
berkembang baik pada kadar 4.5% hingga 5.0% yang
disokong oleh kekuatan sektor-sektor domestik, khususnya
sektor perkhidmatan, pembinaan, minyak dan gas.

Kestabilan serta kekuatan sektor domestik, kerancangan pasaran modal dan juga pemulihan ekonomi antarabangsa telah memberi manfaat kepada **TH**, khususnya dalam menjana pulangan pelaburan yang baik, hasil keterlibatan **TH** secara langsung dan tidak langsung di dalam pelbagai sektor melalui aktiviti-aktiviti pelaburan patuh syariahnya.

Selari dengan tujuan dan konsep penubuhan **TH**, simpanan di **TH** adalah untuk merealisasikan impian para pendeposit untuk menunaikan Fardhu Haji. Konsep simpanan yang berlandaskan **Al-Wadi'ah Yad Dhamanah** ini dijamin sepenuhnya oleh kerajaan manakala bonus kepada pendeposit adalah hadiah berdasarkan prestasi kewangan tahun semasa dan budi bicara **TH**.

TH sentiasa merangka pelbagai pelan perniagaan jangka pendek dan panjang bagi memastikan pulangan yang kompetitif kepada para pendepositnya.

Alhamdulillah **TH** telah mencapai usia setengah abad dan telah menyambut ulang tahun Jubli Emasnya pada tahun lalu. Tahun yang istimewa ini diserikan lagi dengan pencapaian prestasi kewangan yang amat membanggakan.

TH mencatat sejarah sekali lagi dari segi prestasi kewangan dengan mencatatkan pendapatan melebihi **RM3 bilion** buat julung julung kali dan keuntungan selepas zakat pula melebihi **RM2 bilion** buat kali kedua berturut-turut.

Pendapatan keseluruhan **TH** pada tahun 2013 **berjumlah RM3.7 bilion, adalah satu peningkatan sebanyak RM951 juta atau 34.0% berbanding dengan tahun 2012 (RM2.8 bilion).**

BONUS PENDEPOSIT TH

Dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT, saya dengan sukacitanya mengumumkan **Kadar Bonus Tahunan 2013** adalah **sebanyak 6.0% dengan** jumlah pembayaran sebanyak **RM2.4 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **14.3%** berbanding tahun 2012(RM2.1bilion)

Kadar Bonus Tahunan **TH** adalah kompetitif memandangkan profil pelaburan **TH** adalah terhad kepada pelaburan berlandaskan Syariah manakala tabungan di **TH** adalah secara sukarela dan tiada had.

TH menawarkan pulangan yang lebih kompetitif jika dibandingkan dengan kadar pulangan daripada akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional.

Berdasarkan sumber daripada Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pulangan **Akaun Deposit Tetap Perbankan Islam** dan **Konvensional** bagi tahun 2013 adalah masing-masing 2.99% dan 3.15%. Bonus tahunan **TH** sebanyak 6.0% adalah 3 mata asas lebih tinggi daripada bank-bank komersil tersebut.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kini **TH** mempunyai seramai **8.3 juta pendeposit** dan seramai **7.7 juta atau 93.0%** daripada jumlah keseluruhan ini **masih belum menunaikan haji**.

Menyedari hakikat ini, seiring dengan matlamat penubuhan **TH** untuk membantu pendeposit menyimpan untuk menunaikan fardu haji, **TH** sentiasa mencari ruang untuk memberi pulangan yang baik bagi meningkatkan simpanan para pendeposit untuk menunaikan haji.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi dengan **sukacitanya mengumumkan satu bonus tambahan** diberikan kepada 7.7 juta pendeposit iaitu **Bonus Haji sebanyak 2.0%**. Pemberian Bonus Haji ini akan melibatkan agihan kewangan sebanyak **RM223 juta**.

Kategori Akaun Pendeposit	Bilangan Pendeposit	
	Juta	Nisbah
1. Akaun Belum Pernah Tunai Haji		
a) Akaun dengan baki purata minima bawah RM9,980 (7.2 juta pendeposit).	7.7	93%
b) Akaun dengan baki purata minima melebihi RM9,980 (500 ribu pendeposit).		
2. Akaun Pernah Menunaikan Haji	0.6	7%
Jumlah Keseluruhan	8.3	100%

Keutamaan pemberian Bonus Haji pada tahun ini adalah kepada para pendeposit yang masih belum mempunyai wang yang cukup untuk menunaikan haji. Ianya juga mengukuhkan iltizam **TH** dalam menjaga kebajikan para pendeposit yang kurang berkemampuan untuk menunaikan haji selain daripada pemberian subsidi saban tahun.

Bonus Tabunan 2013	Bonus Haji 2013	Jumlah keseluruhan Bonus Pendeposit 2013
6.0%	2.0%	6.0% + 2.0%
RM2.4 bilion	RM223 juta	RM2.6 bilion

Jumlah Bayaran Bonus Pendeposit 2013 ini menunjukkan **peningkatan 6.5%** kepada **RM2.6 bilion** berbanding **RM2.4 bilion** pada tahun 2012.

Pembayaran bonus tersebut telah mengambilkira **pembayaran Zakat Perniagaan TH 2013 sebanyak RM52.9 juta**. Pembayaran zakat ini akan dibuat kepada semua Pusat Pungutan Zakat (PPZ) negeri negeri dalam masa terdekat.

	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Kadar Bonus Pendeposit (%)	4.75	5.00 + 2.00*	5.00	5.00	5.50	6.00	6.50 + 1.50*	6.00 + 2.00*
RM juta	634	1,051	900	1,067	1,332	1,678	2,458	2,620

* Bonus-bonus Khas

2007 – Ulangtahun Malaysia ke-50

2012 – Ulangtahun TH ke-50

2013 – Bonus Haji

Pengiraan Bonus Tahunan dan Bonus Haji bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:-

Bonus	Pengiraan	Jumlah
Bonus Tahunan 2013 (6.0%)	Baki purata minima bulanan akaun TH (Jan-Dis 2013)/12 bulan) x 6.0%	RM2.4 (bilion)
Bonus Haji (2.0%)	<p>1. Akaun simpanan yang baki purata minima bulanan kurang dari bayaran Haji (RM9,980).</p> <p>Kiraan :- <i>Baki purata minima bulanan (Jan-Dis 2013)/12 bulan) x 2.0%</i></p> <p>Melibatkan 7.2 juta pendeposit</p> <p>2. Akaun simpanan yang baki purata minima bulanan melebihi bayaran haji (RM,9980).</p> <p>Kiraan:- <i>RM9,980 x 2.0%</i></p> <p>Melibatkan 500 ribu pendeposit.</p>	RM223 (juta)
	Jumlah Bonus Pendeposit TH	RM 2.6 (bilion)

PRESTASI KEWANGAN 2013

	2006 RM Juta	2007 RM Juta	2008 RM Juta	2009 RM Juta	2010 RM Juta	2011 RM Juta	2012 RM Juta	2013 RM Juta
Pendapatan	1,165	1,857	1,513	1,751	2,055	2,175	2,779	3,730
Peratus %	15	59	-19	16	17	6	28	34
Perbelanjaan Operasi	322	321	402	444	407	434	478	716
Keuntungan selepas Zakat	641	1,071	1,001	1,119	1,497	1,689	2,146	2,635
Peratus %	11	67	-7	12	34	13	27	23

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Alhamdulillah tahun ini, pendapatan keseluruhan **TH** pada tahun 2013 berjumlah **RM3.7 bilion**, adalah satu peningkatan sebanyak **RM951 juta** atau **34.0%** berbanding dengan tahun **2012 (RM2.8 bilion)**. Ia melebihi **tiga kali ganda** pendapatan **TH** pada tahun 2006.

Keuntungan bersih selepas zakat TH, mencecah **RM2.6 bilion** berbanding **RM2.1 bilion** pada tahun 2012, iaitu peningkatan sebanyak **23.0%**. Prestasi ini menunjukkan **peningkatan lebih empat kali ganda** keuntungan tahun 2006.

Ianya juga menghasilkan nilai tambah (value creation) sebanyak **RM11.8 bilion** kepada dana pendeposit sejak tahun 2006.

Bilangan **pendeposit bertambah kepada 8.3 juta** dengan **dana terkumpul meningkat kepada RM43.1 bilion**, iaitu peningkatan **13.0%** berbanding tahun 2012 (RM38.3 bilion).

Dana pendeposit telah meningkat hampir **tiga kali ganda** sejak awal tahun 2006, sekaligus menunjukkan keyakinan dan kesetiaan pendeposit kepada **TH**.

TH sentiasa mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah dan terkawal, walaupun sentiasa di pengaruhi oleh kos-kos perkhidmatan luaran yang sentiasa berubah dan meningkat.

Langkah-langkah pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah dan kemantapan pengurusan operasi, memacu **TH** untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam sektor pelaburan berlandaskan Syariah.

Prestasi **TH** yang konsisten berbanding tahun yang lalu mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemah Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota **TH** dalam memastikan penjanaaan pulangan yang baik dan berterusan serta sokongan padu dari para pendeposit secara amnya.

SUMBER PENDAPATAN


Dari segi pelaburan pula, jumlah aset pelaburan 2013 **TH** terus mencatatkan pertumbuhan yang sihat sebanyak **20.0%** kepada **RM47.9 bilion** daripada **RM39.8 bilion** pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini adalah hasil alokasi taktikal pelaburan dan tabungan yang konsisten daripada para pendeposit **TH**.



Selaras dengan matlamat untuk memberi pulangan yang kompetitif dan berterusan kepada para pendeposit serta mengekalkan nilai modal pelaburan, **TH** terus melabur dalam instrumen yang berisiko sederhana dan stabil.

Sumber utama pendapatan **TH** adalah terdiri daripada :-

1. Pelaburan ekuiti yang menyumbang 58.0%(2012: 61%)
2. Pelaburan sekuriti hutang 14.0% (2012: 18%)
3. Pasaran wang & instrumen kewangan lain 10.0% (2012: 10%).
4. Sewaan, Pembiayaan dan lain- lain 18.0% (2012:11%)



Sumber Pendapatan	2012		2013	
	%	RM (Juta)	%	RM (Juta)
Ekuiti – Urusniaga	42	1,161	46	1,731
Ekuiti – Dividen	19	529	12	456
Sekuriti Hutang	18	516	14	518
Pasaran Wang & Instrumen Kewangan Lain	10	277	10	361
Sewaan	8	220	8	311
Pembiayaan	2	51	4	145
Lain-lain	1	25	6	208
Jumlah		2,779		3,730

TH sentiasa mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah dan terkawal, walaupun sentiasa di pengaruhi oleh kos-kos perkhidmatan luaran yang sentiasa berubah dan meningkat.

Langkah-langkah pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah dan kemantapan pengurusan operasi, memacu **TH** untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam sektor pelaburan berlandaskan Syariah.

Prestasi **TH** yang konsisten berbanding tahun yang lalu mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemaah Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Panel Pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota **TH** dalam memastikan penjanaan pulangan yang baik dan berterusan serta sokongan padu dari para pendeposit secara amnya.

PENGHARGAAN

Kejayaan **TH** adalah kejayaan semua dan saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan pihak kerajaan terutamanya **YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak** yang sentiasa memberi sokongan dan kepercayaan kepada saya dan **TH**.

Ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Kabinet dan Ahli-ahli Parlimen yang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan **TH**.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Jemaah Lembaga Pengarah **TH**, Ahli-ahli Panel Pelaburan **TH**, Pihak Pengurusan dan para anggota **TH** yang telah memberi komitmen yang tinggi dan konsisten selama ini.

Pihak **TH** dan Kerajaan Malaysia juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Pendeposit **TH** di atas kepercayaan dan sokongan berterusan yang diberikan kepada **TH**. Saya menyeru agar semua umat Islam di Malaysia untuk terus menyokong **TH**.

Para pendeposit boleh menyemak pengkreditan **Bonus Pendeposit TH** 2013 melalui kaunter **TH** dan ATM bank-bank rakan strategik **TH** (Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamic) mulai **3 Februari 2014 (Isnin)**.

Akhir kata, ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat media yang sudi hadir, dan juga di atas kerjasama serta sokongan yang diberikan kepada **TH** selama ini.

Sekian,

Saya sudahi dengan **Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**.

-TAMAT-